

General



General > Advisories / Resources > Cukai Ke Atas Individu Berpendapatan...

Semua
Shop/Account Settings
Account Safety
Advisories / Resources
Penalties and Appeals

Bintang Komuniti Programme

Shopee Updates

Growth and Expansion

Customers

Finance and Payments

Seller Rules and Policies

Shop

Product

Marketing

Fulfilment

Returns and Refunds



Cukai Ke Atas Individu Berpendapatan Perniagaan: Apa Perlu Anda Tahu?

28-07-2023

 Tambah ke penanda


Pengenaan cukai pendapatan bagi pengajian dapat ditentukan dengan mudah sekiranya seseorang itu mempunyai Potongan Cukai Bulanan atau PCB yang dipotong oleh majikan melalui gaji yang diterima setiap bulan. Jumlah pendapatan melebihi RM37,333 setahun setelah dibuat potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga boleh menjadi penanda aras dalam penentuan pengenaan cukai kepada individu daripada kategori ini.

Bagaimana pula untuk menentukan pengenaan cukai ke atas pendapatan perniagaan bagi individu? Keuntungan daripada punca perniagaan yang diterima setiap bulan tidak semestinya sama jumlahnya. Jadi, apa perlu anda tahu tentang cukai ke atas individu berpendapatan perniagaan?

Individu yang dikenakan cukai pendapatan perniagaan

Cukai bagi pendapatan perniagaan dikenakan ke atas perniagaan atau profesion yang menerima kemasukan wang ke dalam akaun bank individu termasuklah Youtubers, Instafamous, influencer atau yang membuat paid review dan lain-lain. Senarai pendapatan yang dikenakan cukai bagi individu boleh dirujuk di www.hasil.gov.my dengan menaip kata kunci carian BILA DIKENAKAN CUKAI di halaman utama Portal Rasmi HASiL.

Bagi kategori ini, tiada pendapatan minimum untuk dikenakan cukai. Jadi, anda perlu mendaftar fail cukai pendapatan sebaik sahaja perniagaan didaftarkan atau kerjaya dimulakan.



Kandungan

Individu yang dikenakan cukai pendapatan perniagaan

Kebimbangan untuk lapor pendapatan

Tidak tahu macam mana nak mula?

Mengapa anda perlu lapor dan bayar cukai pendapatan?

PKPS 2.0: Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0

Kebimbangan untuk lapor pendapatan

Ada segelintir yang menolak untuk lapor pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) kerana bimbang perlu bayar cukai dalam jumlah yang tinggi.

Cukai pendapatan dikenakan ke atas individu pada kadar 0% hingga 30% bergantung kepada jumlah pendapatan yang dilaporkan. Ini bermakna, semakin tinggi pendapatan, semakin tinggi kadar cukai. Begitu juga sebaliknya. Jadi, tidak perlu bimbang untuk lapor pendapatan.

Pendapatan bercukai boleh dikurangkan dengan menuntut kesemua perbelanjaan perniagaan dan pelepasan cukai yang layak dituntut. Anda juga boleh menuntut semua perbelanjaan yang dilakukan dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan sebagai potongan dalam pengiraan pendapatan larasan. Tetapi perlu diingat bahawa anda tidak layak untuk menuntut perbelanjaan persendirian atau perbelanjaan berbentuk modal.

Ikuti langkah ini untuk menjadi pembayar cukai yang bertanggungjawab

- Daftar fail cukai pendapatan secara dalam talian menerusi aplikasi e-Daftar di mytax.hasil.gov.my sekiranya masih belum mempunyai Nombor Cukai Pendapatan.
- Lapor pendapatan menerusi perkhidmatan e-Filing di mytax.hasil.gov.my. Bagi individu pemastautin yang mempunyai punca pendapatan perniagaan, anda perlu memilih Borang B. Pilih Borang M sekiranya individu tersebut bukan pemastautin.
- Bayar cukai pendapatan (sekiranya ada) menggunakan ByrHASIL juga di mytax.hasil.gov.my.
- Pastikan anda ingat tarikh akhir penghantaran borang cukai bagi individu yang mempunyai punca pendapatan perniagaan iaitu selewat-lewatnya pada 30 Jun setiap tahun. Tambahan masa diberikan sehingga 15 Julai bagi pengguna e-Filing.
- Jika telah selesai lapor pendapatan dan bayar cukai anda, jangan lupa untuk simpan dokumen, rekod dan akaun perniagaan bagi tempoh 7 tahun.
- Pastikan juga anda sediakan akaun dan penyata bagi lain-lain pendapatan dan mematuhi Notis Bayaran Ansuran (CP500).
- Maklumkan juga secara bertulis kepada HASIL sekiranya perniagaan ditamatkan atau berlaku pertukaran ahli kongsi.



Kandungan

Individu yang dikenakan cukai pendapatan perniagaan

Kebimbangan untuk lapor pendapatan

Tidak tahu macam mana nak mula?

Mengapa anda perlu lapor dan bayar cukai pendapatan?

PKPS 2.0: Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0

Tidak tahu macam mana nak mula?

LHDN MALAYSIA

INFO CUKAI HASIL

Penyampaian Taklimat Percukaian di bawah Program Jom KLIK HASIL adalah secara PERCUMA bagi tujuan meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela

No Siri: 001/2023/BPC

KAEDAH PILIHAN

- BERSEMUKA**
- MAYA**

TOPIK PILIHAN

- RAHSIA JIMAT CUKAI**
- PENIAGA BIJAK CUKAI**
- TAX & EXPATRIATES**
- PENAMATAN PERKHIDMATAN**
- BERSAMA HASIL BANGUN NEGARA**
- LAYANAN PERCUKAIAN KEPADA SYARIKAT**

SYARAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja sebelum program dilaksana
2. Minima 15 orang peserta untuk setiap permohonan taklimat
3. Permohonan terbuka kepada wakil majikan / IPT / Persatuan sahaja
4. Penyampaian taklimat dalam Bahasa Melayu kecuali topik "Tax & Expatriates"
5. Kelulusan permohonan taklimat tertakluk kepada ketersediaan tarikh dan penceramah LHDNM

BAHAGIAN PENDIDIKAN CUKAI

CARA PERMOHONAN
Imbas kod QR atau e-mel kepada taxeducation@HASIL.GOV.MY

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

www.hasil.gov.my facebook.com/LHDNM [@LHDNMOfficial](https://twitter.com/LHDNMOfficial) [03-8911 1000](tel:03-8911 1000)

Jangan risau. HASiL boleh bantu.

Sekiranya anda berminat untuk mendapatkan khidmat nasihat percukaian secara berkumpulan mewakili syarikat, persatuan dan lain-lain, permohonan untuk HASiL mengadakan taklimat di tempat anda secara bersemuka atau webinar boleh dibuat dengan menghantarkan permohonan menerusi emel kepada taxeducation@hasil.gov.my



Kandungan

Individu yang dikenakan cukai pendapatan perniagaan

Kebimbangan untuk lapor pendapatan

Tidak tahu macam mana nak mula?

Mengapa anda perlu lapor dan bayar cukai pendapatan?

PKPS 2.0: Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0

Mengapa anda perlu lapor dan bayar cukai pendapatan?



Lapor dan bayar cukai pendapatan merupakan kewajipan ke atas mereka yang layak dikenakan cukai berdasarkan undang-undang perculaian. Dengan membayar cukai, anda sebenarnya telah membantu diri anda sendiri untuk mengesahkan pendapatan bagi tujuan urusan rasmi selain mudah untuk mendapatkan bantuan khas kerajaan. Sebagai contoh, permohonan pembiayaan kewangan termasuk bagi tujuan pembelian rumah atau kenderaan.

Bukan itu sahaja, melalui pelaporan cukai pendapatan, anda juga menyokong usaha kerajaan dalam mentadbir dan mengurus negara, serta membantu menampung perbelanjaan pembangunan negara termasuk bagi tujuan keselamatan, kemudahan fasiliti awam, perkhidmatan kesihatan, pendidikan, kebajikan rakyat dan banyak lagi manfaat cukai untuk dinikmati bersama.

PKPS 2.0: Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0



Kandungan

Individu yang dikenakan cukai pendapatan perniagaan

Kebimbangan untuk lapor pendapatan

Tidak tahu macam mana nak mula?

Mengapa anda perlu lapor dan bayar cukai pendapatan?

PKPS 2.0: Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0



Peluang bagi anda yang tidak pernah lapor cukai untuk tahun-tahun sebelum

Jika anda pembayar cukai baharu yang dah memulakan perniagaan, mempunyai pendapatan atau telah melupuskan aset dan belum pernah melaporkan pendapatan kepada HASiL? Inilah masanya untuk anda laporkan cukai.

Mulai sekarang sehingga 31 Mei 2024, anda boleh melaporkan pendapatan menerusi Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0. Semua kategori pembayar cukai (kecuali kategori fail majikan) layak menyertai program khas ini.

Menariknya dengan program ini, penalti yang dikenakan adalah pada kadar 0% dan semakan lanjut sama ada melalui audit atau siasatan tidak akan dilakukan terhadap tahun taksiran yang berkaitan dengan pendapatan yang dilaporkan secara sukarela.

Apa tunggu lagi? Jom lapor dan bayar cukai pendapatan sekarang! Layari Portal Rasmi HASiL di www.hasil.gov.my untuk info lanjut.



Kandungan

Individu yang dikenakan cukai pendapatan perniagaan

Kebimbangan untuk lapor pendapatan

Tidak tahu macam mana nak mula?

Mengapa anda perlu lapor dan bayar cukai pendapatan?

PKPS 2.0: Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0



Artikel oleh:

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



Kandungan

Individu yang dikenakan cukai pendapatan perniagaan

Kebimbangan untuk lapor pendapatan

Tidak tahu macam mana nak mula?

Mengapa anda perlu lapor dan bayar cukai pendapatan?

PKPS 2.0: Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0